

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM[TAIPING]

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan tahap pencapaian industri pelancongan sejak 2010 dan apakah cabaran yang sedang dihadapi dan langkah-langkah yang telah/akan diambil untuk bersaing dan memajukan industri pelancongan Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula tahun 2010 hingga 2014, trend ketibaan pelancong ke Malaysia sentiasa mencatatkan pertumbuhan positif. Walau bagaimanapun, trend ini berubah pada tahun 2015 kerana industri terjejas disebabkan oleh pelbagai insiden yang mengugat keyakinan pelancong termasuklah isu keselamatan seperti kes penculikan pelancong di pulau-pulau peranginan di Sabah, serangan pengganas di Lahad Datu, Sabah dan insiden pesawat MH370 dan MH17. Walau bagaimanapun, trend pendapatan pelancong menunjukkan pertumbuhan positif bermula tahun 2016 sehingga tahun 2018. Pada tahun 2018, pendapatan pelancongan negara telah meningkat sebanyak 2.4% kepada RM 84.1 bilion berbanding RM 82.2 bilion pada tahun 2017.

NO. SOALAN: 7

Antara cabaran utama yang mempengaruhi perkembangan industri pelancongan negara adalah kemudahsampaian iaitu dari segi penawaran tempat duduk penerbangan (*air seat capacity*) ke negara kita. Penawaran tempat duduk penerbangan antarabangsa ke Malaysia adalah kurang berbanding dengan ke Singapura dan Thailand. Thailand mendahului penawaran tempat duduk penerbangan bagi bulan Januari 2019 iaitu sebanyak 4.6 juta tempat duduk diikuti oleh Singapura dengan 3.5 juta tempat duduk penerbangan manakala bagi Malaysia, penawaran tempat duduk penerbangan adalah terendah di antara tiga negara ini iaitu 2.7 juta tempat duduk. Sehubungan itu, Kementerian melalui *Tourism Malaysia* melaksanakan usaha berterusan melalui perkongsian pintar bersama syarikat-syarikat penerbangan seperti Condor Air, Emirates Airlines, Etihad Airways, Philippines Airlines, Turkish Airlines dan Qatar Airways termasuklah syarikat penerbangan tempatan seperti Malaysia Airlines, Air Asia dan Malindo Air yang mempunyai rangkaian penerbangan yang luas bagi membantu meningkatkan ketibaan bagi pasaran jarak jauh dan jarak sederhana.

Kementerian akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan bagi menggalakkan syarikat perbangan tempatan untuk mewujudkan penerbangan terus dari Eropah dan Timur Tengah.

Menjelang tahun 2020, Kementerian telah menetapkan sasaran kedatangan pelancongan seramai 30 juta orang dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM 100 bilion, selaras dengan hasrat Kementerian untuk melaksanakan kempen *Visit Malaysia 2020*. Dalam mencapai sasaran ini, Kementerian telah merancang beberapa strategi utama iaitu:

1. Malaysia telah menjadi ITB *Partner Country* pada tahun 2019 di Berlin, Germany. ITB Berlin merupakan pameran pelancongan antarabangsa yang terbesar dan terkemuka di dunia dengan penyertaan sebanyak 180 buah negara dari seluruh dunia. Sebagai *Partner Country* Malaysia akan diberi keutamaan untuk dipromosikan bersama dengan pihak penganjur.

NO. SOALAN: 7

2. Bagi mempergiatkan industri pelancongan, Kerajaan akan menyediakan geran sepadan atau *matching grant* sebanyak RM100 juta kepada syarikat swasta bagi program promosi dan pemasaran pelancongan antarabangsa untuk meningkatkan ketibaan pelancong.
3. Dalam usaha membantu dan meluaskan perniagaan pengusaha kraftangan dan *homestay* pula, dana tabung pelancongan PKS yang bernilai RM500 juta akan disediakan oleh SME Bank di mana Kerajaan akan memberi subsidi kadar faedah sebanyak 2%.
4. Pelaksanaan sepenuhnya atau *rolling out* Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 di mana 60 kluster ekopelancongan telah dikenalpasti di seluruh negara.
5. Kerajaan juga akan mencalonkan lebih banyak tapak warisan yang berpotensi untuk diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO seperti Taman Hutan Selangor FRIM, Permatang Kuarza di Gombak, Selangor dan Taman Negeri Royal Belum di Perak.

Bagi tempoh jangka panjang pula, Kementerian dalam proses akhir untuk memuktamadkan Dasar Pelancongan Negara 2020 – 2050. Pelaksanaan DPN 2020-2050 adalah berteraskan 3 elemen utama iaitu daya saing, lestari dan inklusif sebagai pemangkin kepada transformasi industri pelancongan negara.

Sekian, terima kasih.